

Mohd. Dahlan Mansoer,

WILKINSON, RAJA MALWEAR DAN  
MINANGKABAU

Nusantara

BT. 3. Januari 1973.

WILKINSON, RAJA MALEWAR DAN MINANGKABAU

oleh

MOHD. DAHLAN MANSOER

Universiti Malaya

Wilkinson, Robert James (1867-1941), pernah berkhidmat di wilayah Malaysia Barat selama lebih kurang sesuku abad sebagai kakitangan kanan Kerajaan Inggeris (1889-1916). Mula bekerja sebagai *cadet* pentadbir (1889), pada tahun 1903 menjawat Pemeriksa Sekolah-sekolah bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Kemudian ditunjuk menjadi Setiausaha Residen Perak (1906), memangku jawatan Residen Negeri Sembilan (1910) untuk akhirnya mencapai puncak perkhidmatan beliau sebagai Setiausaha Penjajah bagi Negeri-negeri Selat (1911-16).<sup>1</sup>

Selama bertugas sebagai kakitangan kerajaan kolonial beliau mendapat banyak peluang mempelajari dari dekat dan berkenalan dengan susunan masyarakat, sejarah, adat istiadat, bahasa dan falsafah hidup penduduk Tanah Semenanjung, terutama orang Melayu. Faham bahasa Cina logat Hokkien dan fasih bercakap bahasa Melayu banyak membantu beliau dalam menjalankan perkhidmatan sebagai pegawai jajahan.

Bersama-sama dengan Sir Richard Winstedt beliau telah berjasa memperkenalkan sejarah, sastra dan kebudayaan Melayu kepada dunia ilmu pengetahuan Barat. Sarjana-sarjana Melayu moden sekarang pun boleh mendapat manfaat dari hasil-hasil penyelidikan dan karya-karya kedua-dua pegawai/sarjana kerajaan kolonial Inggeris itu. Karangan-karangan Wilkinson kemudian diterbitkan dengan tajuk *Papers on Malay Subjects* (1907-16). Oxford University Press, Kuala Lumpur/Singapore telah berjasa mengeluarkan semula kumpulan-kumpulan karangan Wilkinson (1971, 468 muka, harga MS35/-).

Wilkinson menuliskan buah fikiran, pendapat dan penilaianya mengenai sejarah dan kebudayaan Melayu lebih dari setengah abad yang silam. Pada masa itu empayar Inggeris sedang di puncak kenegahannya sebagai kuasa dunia. Kebangsaannya sebagai putera *Allion*, yang di daerah takluknya "the sun never sets", jelas terbayang dari karangan-karangan Wilkinson. Sebagai putera zamannya Wilkinson tentunya tidak boleh berfikir, melihat dan me-

<sup>1</sup> *Papers on Malay Subjects* (PMS), Selected and Introduced by P.L. Burns, Oxford Universiti Press, Kuala Lumpur/Singapore, 1971, m.s. 1.

nilai kebenaran-kebenaran di sekelilingnya berlainan daripada yang berlaku pada masanya. Subjektiviti zaman dan lingkungan ini memberi cakar dan warna kepada seluruh karya Wilkinson. Segala sesuatunya yang berbau Inggeris dinilai sebagai *superior* dan perkara-perkara yang menyimpang daripada itu dipandang sebagai *inferior*. Ilmu-ilmu Sosiologi dan Antropologi di zaman Wilkinson belum mencapai kemajuan seperti masa sekarang. Perkara ini akan kami cuba buktikan dengan memperbincangkan karangan Wilkinson bertajuk "Notes on Negri Sembilan", disusun pada tahun 1911.<sup>2</sup>

### RAJA MALEWAR

Di dalam kata pendahuluan "Negri Sembilan History" Wilkinson antara lain menulis bahawa "hikayat-hikayat mengenai konfederasi Melayu kecil yang dikenali sebagai sembilan negeri (Negeri Sembilan) telah pun menjadi tumpuan di dalam banyak pembicaraan dan di dalam beberapa ese-i-esei oleh... tokoh-tokoh yang dapat mendakwa mempunyai pengetahuan dari dekat mengenai negeri itu melebihi apa yang diperolehi oleh saya sendiri".<sup>3</sup> Sungguhpun beliau dengan merendahkan diri mengaku pengetahuan beliau mengenai Negeri Sembilan jauh kurang daripada mereka yang lebih pakar yang namanya beliau kutip, beliau merasa perlu pula memulakan karangan-nya dengan pengakuan bahawa ulasannya sendiri jauh berbeza daripada apa yang telah pun diterima sebagai sejarah yang sebenar. Pandangan beliau yang berbeza daripada pendapat penulis-penulis sebelum beliau itu didasarkan atas "penggunaan bahan sejarah yang baru dan disebabkan pula kaedah-kaedah kritis yang saya fikir perlu digunakan dalam membincangkan lejenda-lejenda Melayu".<sup>4</sup> Dengan lain perkataan, Wilkinson berpendapat bahawa *authorities* sebelum beliau samada belum atau tidak mempunyai bahan-bahan sejarah yang lengkap dan tidak melakukan kaedah-kaedah kritis yang beliau pandang perlu bilamana membincangkan lejenda-lejenda Melayu sebagai sumber sejarah Negeri Sembilan. Kaedah-kaedah kritis yang beliau tempuh ialah "untuk memastikan (bahan-bahan sejarah saya) dengan mengumpulkan versi-versi yang berlainan mengenai peristiwa yang sama, menambahkannya dengan segala cara yang boleh, dan berhati-hati sebelum menerima sebarang kenyataan yang tidak ada buktinya".<sup>5</sup>

Dengan penyelidikan mengenai bahan sejarah yang baru berdasarkan kaedah-kaedah kritis itu Wilkinson sampai kepada kesimpulan bahawa Raja Malewar "bukanlah... putera Minangkabau". Baginda sebenarnya "seorang petualang yang merampas untuk diri sendiri kekuasaan yang tertentu di lembah Sri Menanti dan langsung menuntut hak atau menguasai kewibawa-

<sup>2</sup> PMS, 277-310.

<sup>3</sup> PMS, 280.

<sup>4</sup> Ibid.

<sup>5</sup> PMS, 280-1.

an yang longgar atas Negeri Sembilan keseluruhannya ... dengan menggelarkan dirinya Yamtuan atau Raja”<sup>6</sup> pada tahun 1773.<sup>7</sup>

Sungguhpun beliau mengakui, bahawa sebarang penjelasan mengenai hubungan politik Negeri Sembilan dengan Minangkabau di dalam abad ke 18 semestinya suatu andaian sahaja beliau tulis “Raja Malewar tidak mungkin seorang anak kepada Sultan Minangkabau” kerana “enipayar Sumatera yang usang itu telah pun berpecah-pecah sejak satu abad yang lalu”. Walau-pun tidak boloh dinafikan bahawa Raja Malewar “mungkin seorang keturunan raja-raja Minangkabau dulu” dan “Sultan Minangkabau yang dibayangkan itu terus menghantar anak-anak lelakinya ke Negeri Sembilan selama setengah abad selepas kedatangan Raja Malewar”, kunci dari perkata yang bertentangan ini ialah bahawa mereka keturunan raja-raja Minangkabau yang berkedudukan di Telapak Buruk (atau Taratak Buluh) di rantau Siak.<sup>8</sup>

Ringkasnya Wilkinson mengemukakan sebagai pendapatnya bahawa:

1. Seabad sebelum Raja Malewar, iaitu lebih kurang pada tahun 1675 negara Minangkabau sudah tidak ada lagi kerana telah hancur.
2. Sultan Minangkabau yang terus menghantar putera-puteranya ke Negeri Sembilan setengah abad sesudah Raja Malewar (jadi hingga lebih kurang awal abad ke 19), ialah keturunan daripada “the extinct Empire of Minangkabau” yang berkedudukan di Telapak/Teratak Buluh di rantau Siak.

Hingga sampai dimanakah boleh diterima andaian-andaian Wilkinson, yang telah dijelaskan berdasarkan bahan sejarah yang baharu dan dikaji dengan menggunakan kaedah kritis?

## MINANGKABAU

Kami memuji Wilkinson sebagai kakitangan kerajaan kolonial Inggeris yang lebih kurang setengah abad yang silam berusaha melakukan kajian untuk merintis sejarah Negeri Sembilan dan hubungannya dengan Minangkabau di dalam abad ke 18. Tidaklah boleh diharapkan daripada Wilkinson sebagai bukan seorang pakar sejarah Nusantara, akan mendalam pula selok-belok sejarah Minangkabau antara abad ke 17-19. Pengetahuan beliau mengenai sejarah Minangkabau rupanya didasarkan terutama atas “rekod-rekod Belanda di Melaka pada TM 1722”<sup>9</sup> mengenai hubungan Negeri Sembilan dengan negara Minangkabau. Sumber-sumber Belanda pada awal abad ke 18 itu mungkin sekali petikan daripada berita-berita di dalam *Daghregister* berasal dari penghujung abad ke 17.<sup>10</sup>

<sup>6</sup> PMS, 296.

<sup>7</sup> Ibid.

<sup>8</sup> PMS, 297.

<sup>9</sup> PMS, 295.

<sup>10</sup> *Daghregister gehouden int Casteel van Batavia* tahun 1679 dan 1680.

Menurut *Daghregister* 1680 wakil VOC (Syarikat Belanda Hindia Timur) di Padang menerima surat daripada orang yang menyebut dirinya "de Keyzer van Manicabo". Bilamana VOC di Batavia dikunjungi oleh pesuruh daripada "Sultan Califatoela" yang tiba dari daerah pedalaman Sumatera Tengah dengan melewati Jambi. Kedua pesuruh raja itu masing-masing meminta pengakuan diri mereka sebagai Yang Dipertuan di Minangkabau. Dengan raja Minangkabau "Agha Metchia" (Ahmad Shah) yang memerintah antara lebih kurang 1665-76, VOC mempunyai hubungan baik. Baginda wakil VOC di Padang sebagai "Stadhouder van den Kryzer van Manicabo ter Westouste van Sumatra van Baros tot Sablat Catowan".<sup>11</sup> Rupanya sesudah baginda wafat di negara Minangkabau pecah perang saudara (1676-80) *Daghregister* 1680 menuliskan antara lain bahawa "van de beghvolckeren van boven komende bericht ontfangen had dat omtrent het hoff van Minicabauw allsnogh in oproer en corlogh was door de regenten van Songy Tarap en Batipoe, die desen nieuwen Kaiser voor haren wettigen heer niet willen kennen en accunmen".<sup>12</sup>

Berita-berita samar mengenai adanya perang saudara di negara Minangkabau menjelang penghujung abad ke 17 bolch kita baca di dalam "Mustiko Adat Alam Minangkabau" yang berbunyi: "Kemudian atas permintaan laras nan dua (Koto Piliang dan Bodi Caniago) radja pindah dari Sungai Tarab, menetap di Bukit Batu Pahat",<sup>13</sup> iaitu pekan Gudam III di Pagaruyung sekarang.

Tital Sungai Tarab ialah penghulu Laras Koto Piliang, takluk di bawah adat Datuk Katemannungan, bilamana Tuan Gadang di Batipuh penghulu Laras Bodi-Caniago, takluk di bawah adat Datuk Perpatih nan Sabatang. Atas desakan kedua-dua penghulu adat yang besar pengaruhnya itulah raja diminta agar meniindahkan tempat kedudukan baginda ke Bukit Batu Pahat, Pagaruyung sekarang. Seseorang raja tidak akan semena-mena memindahkan tempat kediaman beliau, kalau tidak ada perkara yang mendesak. Perkara yang mendesak itulah rupanya perang saudara yang terjadi di Minangkabau sesudah "Sultan Siry Padueca Agha Metchia" wafat. Rupanya baginda ketika memerintah boleh memusatkan kekuasaan politik di dalam tangan baginda dan mengakibatkan hebat daripada penghulu-penghulu adat di bawah pimpinan Titali Sungai Tarab dan Tuan Gadang di Batipuh. Negara Minangkabau sesudah perang saudara itu dibahagi dua. Yang satu di daerah Minangkabau asli, iaitu Luhak Man Tiga (Agam,

<sup>11</sup> *Daghregister* 1680: "Wakil Yang Dipertuan Kaisar Minangkabau di daerah Pesisir Barat Sumatera dari Barus hingga sampai ke Selat Ketam (Bangkulu Utara)".

<sup>12</sup> Daripada penduduk daerah pengumungan yang tiba datang di sini (Padang) diterima berita sempena kekacauan dan perang dilakukan oleh Kepala-kepala Laras di Sungai Tarab dan Batipuh, kerana mereka tidak mahu mengakui kaisar yang baharu sebagai Yang Dipertuan.

<sup>13</sup> I. Dt. Sangguno Ditadjo, *Mustiko Adat Alam Minangkabau*, Perpustakaan Perguruan Kementerian PP dan K, Djakarta, 1955, 68-9.

Lima Puluh Koto dan Tanah Datar-Batipuh) dan yang satu lagi di "Rantau Kampar" (Kumanih). Raja Minangkabau yang di Kumanih itulah yang diberitakan oleh Thomas Dias dan dituliskannya sebagai "Sultan Siry Pada Moeda, Coningh van Paggars Oejom".<sup>14</sup>

Jadi tidaklah benar bilamana Wilkinson menulis, bahawa "empayar Sumatera yang usang itu telah pun berpecah-belah satu abad sebelum" Raja Malewar dihantar ke Negeri Sembilan (1773). Negara Empayar Minangkabau tidak hancur, hanya pecah dua akibat perang saudara sesudah Sultan Ahmad Shah wafat.

Catatan Wilkinson bahawa "Raja Malewar tidak mungkin seorang putera Sultan Minangkabau", tetapi "mungkin berketurunan raja-raja Minangkabau dulu" tidak salah seluruhnya. Errinya memang ada intinya yang betul.

Van Leur menulis, bahawa "Als geheel gezien bijft de Indische geschiedenis een nieuwe vreemde wereld", kerana mempunyai, "eigenwettelijkheden harer historische landschappen als door de aard harer historiografische bewerking". Dengan kata lain, sejarah Nusantara tidak boleh diterangkan dan dinilai berdasarkan ukuran dan penilaian yang berlaku pada sejarah Barat. Tetapi inilah yang dilakukan oleh Wilkinson sebagai kakitangan kerajaan Inggeris di wilayah Semenanjung sebelum Perang Dunia I. Beliau menggunakan ukuran-ukuran dan penilaian Barat dan kakitangan kerajaan ketika membahaskan sejarah Negeri Sembilan.

Raja semuapama Raja Minangkabau dan Empayar Minangkabau tidak boleh disamakan kekuasaan dan erti politiknya sebagaimana keadaannya dengan raja Inggeris atau Empayar Inggeris. Yang dinamakan raja Minangkabau tidak mempunyai kekuasaan politik apa jua pun terkecuali pengasasnya Adityawarman (1347-75) dan Sultan Ahmad Shah (lk. 1665-76). Kuasa politik yang dipusatkan di dalam tangan kedua-dua raja itu mendapat tentangan hebat daripada penghulu-penghulu Minangkabau, yang pengaruh tempatan mereka besar sekali. Sesudah Adityawarman dan Ahmad Shah wafat, perang saudara pecah di Minangkabau. Penghulu-penghulu raja-raja tempatan berkuasa kembali. Minangkabau satu-satunya negara di dalam sejarah Nusantara yang tidak mempunyai tentera, berbeza dengan Mataram dan Banten umpamanya di dalam abad ke 17. Itulah pula sebabnya maka wilayah Minangkabau, terutama daerah pesisirnya mudah jatuh ke tangan kuasa-kuasa politik dari luar: jatuh di bawah pengawasan politik-ekonomi Aceh antara lk. 1550-1650 untuk digantikan oleh Belanda/VOC (lk. sejak tahun 1680).

Raja-raja Minangkabau berperang hanya sebagai *primis inter pares*, orang yang didahulukan satu langkah dan dudukan setingkat lebih tinggi dari-

<sup>14</sup> *Daghregister 1684*, D. de Haan, "Naar Midden Sumatera in 1684", Jilid 39, 1897 dan Westenenck, *Opstellen over Minangkabau*, TBG, Jilid 55, 1913.

pada penghulu-penghulu ketua adat. Raja-raja Minangkabau dihormati kerana "tuah" beliau iaitu kekuasaan *religio-magic*. Baginda hanya perlambang, lain tidak. Sesudah perang saudara (1680) ditambah pula dengan politik *balance of power* di dalam bentuk lembaga "Radjo nan Tigo Silo" dan "Basa nan Ampeq Balai", kekuasaan *religio-magic* yang oleh penulis-penulis Barat disebut "de Keizer van Minangkabau" dipecah tiga iaitu Raja Alam, Raja Adat dan Raja Ibadat. Di balik nama/gelaran yang megah itu tidak ada bayangan kekuasaan politik apapun juga. Kekuasaan politik di dalam Empayar Minangkabau dipegang oleh "Basa Nan Ampeq Balai", itupun hanya terhad di dalam wilayah Luhak Batipuh-Tanah Datar saja. Lembaga "Basa nan Ampeq Balai" itu semacam Dewan Menteri, beranggotakan lima orang:

1. Titah di Sungai Tarab, semacam Perdana Menteri, Menteri Luar, Dalam dan Kewangan.
2. Tuan Kadi di Padang Ganting, semacam Menteri Ugama, Pendidikan dan Kesejahteraan Awam.
3. Indomo di Suroaso, semacam Kepala Polis.
4. Mahudum di Sumanik, semacam Menteri Kehakiman dan Peguam Negara dan
5. Tuan Gadang di Batipuh, Kepala Turus Tentara tanpa tentera.

Orang Besar yang Empat ini bersama dengan Kepala Turus tanpa tentera "merupakan orang-orang yang sebenarnya diamanahkan dengan kuasa politik". Kedudukan mereka lebih kurang boleh disamakan dengan *The King Electors/Keurstaersten* di dalam sejarah Jerman. Merckalah *king-makers* yang menentukan siapa yang boleh menggantikan kedudukan "Raja nan Tigo Silo", apabila seseorang di antara mereka mangkat. Mereka sebagai keturunan Adityawarman "orang asing", tidak mempunyai suku dan tanah. Jawatan mereka turun-temurun kepada anak, ditunjuk oleh Basa nan Ampeq Balai. Anggota Basa nan Ampeq Balai, sebagai "orang Minangkabau asli", mempunyai kedudukan turun-temurun dengan erti apabila seorang di antara mereka wafat, sebagai penggantinya ditunjuk seorang kemanakan, putera saudara perempuan terdekat.

Kepada "Basa nan Ampeq Balai" inilah penduduk Negeri Sembilan berdatang sembah menghantar seorang penghulu ke Negeri Sembilan sejak tahun 1722, hingga sampai kepada tahun lk. 1811. Yang ditunjuk oleh "Basa nan Ampeq Balai" itu lazimnya putera salah seorang daripada "Raja nan Tigo Silo" dan berperan bolchlah dikatakan sebagai "gabenor" yang memimpin penduduk asal Minangkabau di Negeri Sembilan. Mungkin sekalii Raja Malewar yang dikatakan "pergi dari Minangkabau ke Kampar dan dari Kampar ke Telapak Buruk (atau Teratak Buluh)"<sup>15</sup> adalah seorang putera "Raja Minangkabau" di Buo, iaitu Raja Adat.

<sup>15</sup> PMS, 297.

Penduduk Negeri Sembilan asal Minangkabau pada tahun 1722 mungkin sekali tidak demikian besar jumlahnya kalau kita ketahui bahawa rakyat Semenanjung di dalam tahun 1850 tidak lebih ramai daripada 300,000 jiwa.<sup>16</sup> Satu suku abad sebelum tahun 1850 jumlah penduduk Negeri Sembilan asal Minangkabau mungkin tidak akan lebih daripada 10,000 jiwa. Sejak tahun 1722 mereka merasa keselamatan jiwa dan harta mereka terancam, akibat daripada "perang saudara yang berlaku selama 25 tahun berturut-turut antara kedua-dua pihak, yang satu dibantu oleh Bugis dan yang kedua oleh orang-orang Melayu Sumatera".<sup>17</sup>

Negeri Sembilan daerah takluk Johor. Wibawa raja-raja Johor sejak akhir abad ke 17 dan awal abad ke 18 mula menurun, akibat ketegangan-ketegangan politik yang terus-menerus dengan VOC/Belanda dan bertambah teruk serangan-serangan bajak laut Bugis/Makasar di bawah pimpinan Daing Kemboja. Raja Johor, Malumud II, "Sultan terakhir yang berketurunan dari kerabat diraja Melaka dulu"<sup>18</sup> mati terbumuh (1699) dan kekacauan-kekacauan politik merajalela di daerah-daerah takluk Johor sesudah itu. Raja Johor keturunan Datuk Bendahara Johor tidak boleh lagi menjamin keselamatan "peneroka-peneroka Sumatera" (Minangkabau) di Negeri Sembilan akibat keganasan-keganasan anak buah Daing Kamboja. Dengan kebenaran daripada raja Johor Abdul Jalil III<sup>19</sup> penduduk asal Minangkabau berdatang sembah kepada "raja Minangkabau" (Basa nan Ampeq Balai) untuk menghantar pemimpin yang boleh membela keselamatan jiwa dan harta mereka (1722). Tetapi mereka kecewa kerana sejak tahun 1722 sudah tiga orang Raja yang tiba di Negeri Sembilan,<sup>20</sup> tetapi mereka tidak membuat apa-apa.<sup>21</sup> Baru dengan tibanya Raja Malewar (1733) muncul "kekuasaan yang tertentu di lembah Sri Menanti"<sup>22</sup> mereka terjamin dan Raja Malewar sebagai "gabenor" Minangkabau di Negeri Sembilan memakai gelaran "Yamtuan". Yamtuan, kependekan daripada "Yang Dipertuan" tidak bermakna "King" di dalam pengertian Barat (dan Wilkinson), tetapi tokoh pimpinan (Tuan) tempat mengadu dan meminta perlindungan. Bahawa kemudian istilah "Yamtuan" mengandung pengertian "raja" di dalam crikata "king" di Eropah, itu adalah perkembangan sejarah kemudiannya. Orang Minangkabau tidak kenal istilah "raja" di dalam pengertian Barat "head of state", yang memusatkan segala kekuasaan di tangannya.

Jawatan "Gabenor" raja Minangkabau di Negeri Sembilan tidaklah turun-menurun. Sesudah wafat Raja Malewar (1797), selama setengah abad utusan dari Negeri Sembilan menghadap berdatang sembah ke Minangkabau

<sup>16</sup> Victor Purcell, *Malaysia*, New York, 1965, 71.

<sup>17</sup> PMS, 294.

<sup>18</sup> Ibid.

<sup>19</sup> Ibid.

<sup>20</sup> PMS, 297.

<sup>21</sup> PMS, 295.

<sup>22</sup> PMS, 296.

(=Basa nan Ampeq Balai) untuk menunjuk "Gabenor" baru. Perkara itu berlangsung hingga sampai kepada tahun lk. 1811. Pembunuhan secara besar-besaran dilakukan oleh kaum Padri memusnahkan "raja-raja Minangkabau", ertinya Raja nan Tigo Silo dan Basa nan Ampeq Balai serta ahli-ahli mereka. "Gabenor" terakhir, putera daripada Raja Alam, ditunjuk pada lk. tahun 1802 sebagai Yamtuan di Negeri Sembilan. Mula dari masa itulah jawatan Yamtuan Negeri Sembilan turun-menurun diwariskan daripada bapak kepada anaknya. Itupun hanya boleh dengan persetujuan "Undang", kepala suku di daerah Negeri Sembilan lainnya.

Pun kami tidak boleh menerima pendapat Wilkinson, bahawa "the customary law of Minangkabau" yang dikatakan telah diperkenalkan oleh Raja Malewar dan dinamakan sebagai "perlembagaan 1773" ialah semacam "Undang-undang dasar tertulis" di dalam erti kata Barat.<sup>23</sup> Bahawasanya kemudian ada semacam perlembagaan yang tertulis, panduan untuk memerintah Negeri Sembilan, perkara itu mungkin sekali dilakukan kemudian, tetapi tentulah tidak di dalam tahun 1773 dan seperti dikatakan telah diperkenalkan oleh Raja Malewar. Hukum adat dalam bentuk pepatah petitih diturunkan secara lisan diketahui oleh setiap penduduk. Mengenai pemerintahan pepatahnya berbunyi:

"Kemenakan beraja kepada mamak,  
"Mamak beraja kepada penghulu,  
"Penghulu beraja kepada musyawarah,  
"Musyawarah beraja kepada patut dan benar",

maknanya "Rakyat ramai takluk pada perintah kepala suku, kepala suku takluk kepada penghulu, (eselon pemerintah yang lebih tinggi); penghulu takluk kepada keputusan bersama di dalam majlis, dan majlis takluk kepada "yang patut dan benar", iaitu yang dianggap baik pada suatu saat untuk kepentingan dan keselamatan seluruh rakyat. Jadi fikiran rasional yang patut dijadikan panduan kerana dikatakan "alam terkembang dijadikan guru". Segala sesuatunya itu ada tempat dan masanya sesuai dengan kepentingan bersama pada sesuatu ketika dan tempat. Adat ini dinamakan "Naik berjenjang, turun bertangga", kekuasaan seseorang ada batasnya dan ada pula tempatnya. Bukanlah dikatakan di dalam pepatah "Besar berudu (anak katak) dikubangkan, besar buaya di muara".

Berdasarkan ini semua tidaklah yakin kami dan perlembagaan yang dikatakan berasal daripada Raja Malewar. Mungkin sekali sebagai Yamtuan yang memerintah di Negeri Sembilan selama lk. 30 tahun beliau boleh mempraktikkan di dalam penghidupan sehari-hari penduduk asal Minangkabau di Negeri Sembilan hukum-hukum adat yang sudah lama mereka ketahui tetapi berhubung dengan kekacauan-kekacauan politik sebelum masa Raja Malewar, tidak boleh dilaksanakan.

---

<sup>23</sup> *Ibid.*

## Kesimpulan

1. Pendapat Wilkinson, bahawa Raja Malewar adalah “seorang petualang yang merampas untuk dirinya sendiri kekuasaan yang tertentu di lembah Sri Menanti” dan bahawa beliau “tidak mungkin seorang putera Sultan Minangkabau” kerana “empayar Sumatera yang usang itu telah pun berpecah-belah sejak satu abad yang lalu sebelumnya” disebabkan kerana beliau tidak faham dan mengetahui sejarah serta adat istiadat Minangkabau.
2. Di dalam meninjau dan menilai sejarah Negeri Sembilan abad ke 18 Wilkinson sangat dipengaruhi oleh kedudukan beliau sebagai kakitangan kanan kerajaan kolonial Inggeris di dalam masa Empayar British sedang mengalami puncak jayanya.
3. Sejarah Nusantara amnya, sejarah Minangkabau lama khususnya, tidak boleh ditinjau dan dinilai berdasarkan peninjauan dan penilaian-penilaian Barat, kerana mempunyai norma-norma hukum dan pengertian sejarah tersendiri.
4. Meninjau dan memahami sejarah Negeri Sembilan di dalam abad ke 18 tidak boleh lepas tanpa menggunakan pengetahuan sejarah Minangkabau dan adat istiadat/sistem pemerintahan Minangkabau pada masa yang sama.